

Raja Permaisuri Agong Mahu Graduan MSU Positif Teroka Bidang Ilmu

Bernama

Jun 21, 2014

SHAH ALAM, 21 Jun (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah mahu graduan Universiti Pengurusan dan Sains (MSU) menyemai sikap positif dalam meneroka pelbagai bidang ilmu dan kemahiran.

Baginda yang juga Canselor MSU bertitah graduan MSU perlu terus belajar dan menambah ilmu ke peringkat lebih tinggi sejajar dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

"Beta yakin dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang telah dipelajari dan diperolehi sepanjang tempoh pengajian di MSU akan dapat menjadi bekal kepada graduan untuk berjaya dalam membina kerjaya masing-masing," titah baginda pada majlis konvokesyen ke-15 MSU di sini Sabtu.

Tuanku Hajah Haminah berharap graduan MSU berkeupayaan untuk memainkan peranan sebagai generasi muda berilmu dan berketrampilan yang bakal memacu pembangunan dan proses kemajuan negara.

Baginda turut menzahirkan perasaan bangga dengan pelbagai kejayaan dan pengiktirafan yang diraih MSU di peringkat global dan berharap MSU menjadi sebuah universiti pilihan dan terkenal di peringkat antarabangsa pada masa depan.

Dalam pada itu, Tuanku Hajah Haminah mahu pensyarah MSU terus meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran mengikut kepakaran bidang masing-masing.

"Para pensyarah perlu mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan diri untuk menjadi cemerlang dalam bidang masing-masing serta memiliki daya kreatif dan inovatif.

"Beta berharap MSU dapat meneruskan agenda murninya sejak 33 tahun lalu dengan memberikan pendidikan berkualiti kepada semua lapisan masyarakat," titah baginda.

Sebanyak 922 graduan daripada 51 bidang pengajian menerima ijazah masing-masing yang daripada jumlah itu, lima dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah, 16 peringkat Sarjana, 431 Sarjana Muda dan 470 diploma.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048188>